

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Wabak masuk gelombang kedua

14 disahkan positif, semua kontak rapat kes ke-26

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan mengesahkan 14 lagi individu positif COVID-19 dengan semua mereka adalah kontak rapat dengan kes ke-26.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia menjadikan jumlah keseluruhan positif COVID-19 sehingga semalam adalah sebanyak

50 kes dan 22 daripadanya sudah dibenarkan pulang.

Katanya, negara kini memasuki gelombang kedua COVID-19 bermula 27 Februari lalu selepas 11 hari tidak mempunyai kes baharu.

"Gelombang pertama jangkitan COVID-19 di negara ini merangkumi 22 kes. Bagi gelombang kedua, terdapat satu kluster COVID-19 yang dikenal pasti dan ia membabitkan kes ke-26.

"Berdasarkan siasatan dan pengesanan kontak yang dijalankan sehingga kini, terdapat 215 kontak rapat yang dikesan.

"Daripada jumlah kontak rapat berkenaan, 16 kes adalah positif, 19 kes negatif dan 180 individu masih menunggu keputusan," katanya pada sidang media di sini,

semalam.

Dr Noor Hisham berkata, semua individu yang dijangkiti COVID-19 itu dijangkiti ketika menghadiri beberapa majlis yang turut disertai individu kes ke-26.

Katanya, seorang individu adalah pegawai kepada kes ke-26, 15

“Bagi gelombang kedua, terdapat satu kluster COVID-19 yang dikenal pasti dan ia membabitkan kes ke-26.”

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

individu lagi menghadiri lebih dari satu aktiviti bersama dengan kes ke-26.

Ditanya sama ada kes-26 itu adalah penyebar utama pertambahan kes positif di negara ini, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya tidak boleh mengklasifikasikan hal berkenaan.

"Tidak boleh panggil ia sebagai penyebar utama lagi sebab di Korea Selatan kes ke-31 sudah menjangkiti lebih 1,000 pesakit.

"Di negara ini, cuma 16 kes positif dilaporkan dan disahkan oleh kes 26. Saya boleh katakan ini agak luar biasa berbanding kes lain. Tapi kita sedang jejak kontak lain dan asingkan kes 26," katanya.

Dalam perkembangan sama, Dr Noor Hisham berkata, organisasi

yang dikesan mempunyai kes positif COVID-19 tidak perlu menutup pejabat, sebaliknya memadai mengambil langkah pencegahan kebersihan atau disinfeksi.

Katanya, semua pihak perlu memberikan kerjasama kepada Kementerian bagi mendapatkan maklumat tepat.


"Kementerian harap semua pihak bertenang dan sentiasa bekerjasama dengan memberi maklumat yang tepat apabila dihubungi atau dikenal pasti sebagai kontak rapat.

"Selain itu Kementerian mahu menasihatkan orang ramai supaya tidak menularkan sebarang maklumat yang boleh memberi kebingungan kepada orang awam. Buat masa ini, keadaan masih terkawal," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2 & 3

RUANGAN : LOKAL



Oleh Noor Atiqah
Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kebimbangan orang ramai berhubung penularan virus Covid-19 'gelombang kedua' di negara ini jelas berasas apabila seramai 14 pesakit baru disahkan dijangkiti semalam.

Kementerian Kesihatan mengesahkan 14 individu yang positif Covid-19 itu kesemuanya adalah kontak rapat dengan kes ke-26.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, angka itu menjadikan jumlah keseluruhan positif Covid-19 sehingga hari semalam adalah sebanyak 50 kes.

Katanya, negara kini sudah memasuki gelombang kedua Covid-19 bermula 27 Februari lalu selepas 11 hari bebas kes baharu.

"Seperti mana dimaklumkan sebelum ini, gelombang pertama jangkitan Covid-19 di negara ini merangkumi 22 kes.

"Bagi gelombang kedua terdapat satu kluster Covid-19 yang dikenal pasti dan ia membabitkan kes ke-26. Berdasarkan siasatan dan penganasan kontak dijalankan sehingga kini, terdapat 215 kontak rapat yang dikesan.

"Daripada jumlah kontak rapat berkenaan, 16 kes adalah positif, 19 negatif dan



PEMANDU teksi menggunakan topeng muka sebagai langkah berjaga-jaga susulan penularan jangkitan Covid-19.



PELANCONG memakai topeng muka ketika menggunakan LRT di KLCC semalam.

Gelombang kedua wabak

Seramai 14 pesakit baru disahkan dijangkiti Covid-19 daripada kes ke-26

180 individu masih menunggu keputusan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, berdasarkan maklumat terkini diperolehi, kesemua individu yang dijangkiti Covid-19 itu dijangkiti melalui pesakit ke-26 semasa

menghadiri beberapa majlis dan mesyuarat.

"Salah seorang individu dijangkiti adalah pegawai kepada kes ke-26 itu, 15 individu lagi menghadiri lebih dari satu aktiviti bersama dengan kes ke-26. "Proses mengesan kontak

rapat masih berjalan dan kita kena pastikan kedua-dua generasi disebabkan (jangkitan) kes-26 dapat diatasi," katanya.

Ketika ditanya sama ada kes-26 itu adalah penyebar utama kepada pertambahan kes positif di negara ini, Dr

Noor Hisham berkata pihaknya tidak boleh mengklasifikasikan hal itu.

"Tidak boleh panggil ia sebagai penyebar utama lagi sebab jika di Korea Selatan kes ke-31 di sana sudah menjangkiti lebih daripada seribu pesakit.

"Di negara ini, cuma 16 kes positif dilaporkan dan disahkan oleh kes-26. Saya boleh katakan ini luar biasa berbanding kes lain. Tapi kita sedang jejak kontak lain dan asingkan kes-26," katanya.

Putrajaya: Tidak perlu panik! Malah organisasi yang dikesan mempunyai kes positif Covid-19 tidak perlu melakukan penutupan pejabat atau bangunan serta-merta.

Malah ia hanya memadai dengan mengambil langkah pencegahan kebersihan atau disinfeksi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya juga berharap semua pihak dapat memberikan kerjasama kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mendapatkan maklumat tepat.

"Kementerian berharap semua pihak dapat bertenang dan sentiasa

Usah cepat panik!



Kementerian berharap semua pihak dapat bertenang dan sentiasa bekerjasama dengan memberi maklumat yang tepat"

Dr Noor Hisham

bekerjasama dengan memberi maklumat yang tepat apabila dihubungi atau dikenal pasti sebagai kontak rapat.

"Selain itu kementerian mahu menasihatkan orang ramai untuk tidak

menularkan sebarang maklumat yang boleh memberi kebimbangan kepada orang awam. Buat masa ini, keadaan masih terkawal," katanya dalam sidang media harian Covid-19, di kementeriaannya, semalam.

Sebelum ini, media melaporkan Felcra Berhad (Felcra) menghentikan operasi di ibu pejabatnya bermula semalam hingga esok selepas seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah syarikat berkenaan disahkan positif dijangkiti Covid-19.

PEMANDU teksi, Amir Ahmat, 57, membersihkan teksinya dalam usaha mencegah penularan wabak Covid-19.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2 & 3

RUANGAN : LOKAL

Imigresen tutup sementara EGate

Putrajaya: Jabatan Imigresen Malaysia mengeluarkan arahan penutupan sementara EGate atau pintu automatik di semua pintu masuk negara susulan penularan wabak Covid-19 berkuatkuasa semalam.

Ketua Pengarahnya, Datuk Khairul Dzaimie Daud berkata, penutupan itu bertujuan mengekang penularan wabak Covid-19 di pintu masuk negara.

Menurut beliau, penutupan itu membabitkan Autogate Warganegara (Malaysia), Autogate Warga Asing (NERS) dan EGate Malaysian Automated Clearance System (MACS).

"Sebarang perubahan berkenaan perkara ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa," katanya.

DR Noor Hisham



PENGESANAN KONTAK RAPAT KES KE-26 COVID 19 DI MALAYSIA

Setakat 4 Mac 2020




Jumlah kontak rapat kes ke-26	215
Jumlah positif (Generasi)	16
Jumlah negatif	19
Masih menunggu keputusan	180

Terdapat lima kes positif daripada Generasi 2 (Kontak rapat kepada kontak rapat kes ke-26)

Nota:

- Generasi merujuk kepada fasa jangkitan
- Butiran lanjut kes yang masih dalam siasatan
 - Kes 41, Kes 48
- Individu sama yang hadir lebih dari satu majlis/mesyuarat/lokasi



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : ANCAMAN COVID-19

12

KHAMIS 5 MAC 2020 • SINAR HARIAN

ANCAMAN COVID-19

14 kes baharu positif Covid-19

Kebanyakan kes baharu dipercayai melibatkan kontak rapat kepada kes ke-26

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan sebanyak 14 kes baharu jangkitan koronavirus (Covid-19) di Malaysia setakat jam 12 tengah hari semalam menjadikan jumlah kes positif di negara ini meningkat sebanyak 50 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kebanyakan kes baharu yang direkodkan itu dipercayai melibatkan kontak rapat kepada kes ke-26.

"Gelombang pertama Covid-19 di Malaysia merangkumi 22 kes yang kesemuanya telah sihat dan dibenarkan pulang.

"Selepas 11 hari, tiada kes baharu dilaporkan. Gelombang kedua bermula pada 27 Feb-



Dr Noor Hisham (tengah) pada sidang media mengenai situasi terkini Covid-19 di Kementerian Kesihatan, Putrajaya semalam.

ruari lalu.

"Bagi gelombang kedua sehingga hari ini (semalam), terdapat sebanyak 28 kes positif Covid-19 (iaitu kes ke-23 sehingga kes ke-50) yang dilaporkan," katanya pada sidang media situasi semasa jangkitan Covid-19 di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham turut menafikan kes ke-26 adalah penyebar utama Covid-19.

"Tidak boleh panggilnya sebagai penyebar utama sebab jika di Korea Selatan, kes ke-31 telah menjangkiti lebih seribu pesakit," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan

siyasatan dan pengesanan kontak yang telah dijalankan sehingga kini, terdapat 215 kontak rapat kes positif ke-26 yang telah dikesan.

"Daripada jumlah kontak rapat tersebut, sebanyak 16 kes dikesan positif, 19 kes negatif dan 180 masih menunggu keputusan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, siyasatan mengenai kluster berkenaan masih diteruskan dan KKM berharap semua pihak bertenang serta sentiasa bekerjasama dengan memberi maklumat yang tepat apabila dihubungi dan dikenal pasti sebagai kontak rapat.

Ahli Lembaga Pengarah Felcra dijangkiti koronavirus

KUALA LUMPUR - Seorang Ahli Lembaga Pengarah Felcra Berhad disahkan positif koronavirus (Covid-19) semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Felcra Berhad, Mohd Nazrul Izam Mansor dalam satu kenyataan semalam berkata, ahli lembaga pengarah berkenaan kali terakhir dilihat berada di dalam bangunan Wisma Felcra pada 25 Februari lalu.

Bagaimanapun, katanya, keadaan terkawal dan tiada kakitangan lain yang mengalami simptom berkaitan.

"Pihak syarikat telah mengenal pasti kakitangan yang mempunyai kontak rapat dengan individu berkenaan dan mereka kini sedang membuat ujian saringan kesihatan di hospital berdekatan.

"Sehingga kini mereka masih dalam kuarantin sendiri sehingga pihak hospital dapat memberi keputusan bagi ujian saringan tersebut.

"Selain itu, langkah-langkah pencegahan semasa adalah termasuk melakukan ujian saringan suhu di lobi premis syarikat dan menyediakan cecair pembasmi kuman kepada staf serta pelawat," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, semua kakitangan di ibu pejabat yang terletak di Setapak Jaya diarahkan untuk bekerja dari rumah dan dinasihatkan tidak ke luar daerah supaya mudah dihubungi.

Dalam kenyataan yang sama, beliau memaklumkan bahawa aktiviti dan operasi pada peringkat ibu pejabat dihentikan sementara bermula semalam sehingga 6 Mac ini bagi kerja pembersihan dan sanitasi secara menyeluruh.

"Namun, semua operasi pada peringkat wilayah dan kawasan diteruskan seperti biasa.

"Ibu pejabat akan sentiasa berkomunikasi dengan pihak wilayah dan kawasan supaya operasi ladang serta kilang tidak terjejas," katanya.



Pemandangan dari luar bangunan Wisma Felcra Berhad di Setapak Jaya, Kuala Lumpur yang ditutup sehingga 6 Mac ini akibat penularan jangkitan Covid-19 semalam.

Bank Dunia umum pakej bantuan kewangan

KUALA LUMPUR - Kumpulan Bank Dunia akan menawarkan pakej bantuan kewangan segera bernilai sehingga AS\$12 bilion untuk membantu negara-negara terjejas menangani impak kesihatan serta ekonomi akibat koronavirus (Covid-19).

Dalam kenyataannya semalam, Kumpulan Bank Dunia berkata, pakej dalam bentuk pembiayaan itu antara lainnya bertujuan membantu negara-negara anggotanya mengambil tindakan efektif, selain mengurangkan impak tragik akibat penularan virus tersebut pada peringkat global.

"Menerusi pakej tersebut, Kumpulan Bank Dunia akan membantu negara-negara sedang membangun meningkatkan sistem kesihatan termasuk akses lebih baik kepada perkhidmatan kesihatan bagi melindungi orang ramai daripada epidemik berkenaan.

"Ia juga bagi memperkukuh aspek pemantauan penyakit, mempertingkatkan intervensi kesihatan umum dan bekerjasama dengan sektor swasta bagi mengurangkan impak dari segi ekonomi," katanya.

Menurut Kumpulan Bank Dunia, pakej Covid-19 itu akan menyalurkan sumber awal krisis sehingga US\$12 bilion dalam bentuk pembiayaan dengan US\$8 bilion adalah berasaskan konsep *fast track*. - *Bernama*

Sistem Autogate di pintu masuk Malaysia ditutup

KUALA LUMPUR - Penggunaan sistem *Autogate* dan *E-gate* di semua pintu masuk seluruh negara ditutup sementara bermula semalam sebagai langkah menangani penularan jangkitan koronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimae Daud berkata, tindakan itu tidak akan menjejaskan kemasyarakatan pelancong ke dalam Malaysia.

"Ya (*Autogate*) ditutup sementara untuk tujuan kawalan yang lebih ketat dalam menangani penularan virus Covid-19," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai surat arahan Jabatan Imigresen kepada Pengarah Imigresen Negeri yang tular di media sosial dengan meminta mereka menutup sementara penggunaan sistem *Autogate* dan *E-gate* ekoran Covid-19. - *Bernama*

Jangkitan di Malaysia masih terkawal

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) menyifatkan tiada keperluan untuk organisasi yang telah dikesan kes positif koronavirus (Covid-19) membuat penutupan pejabat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, adalah memadai sekadar menjalankan disinfeksi atau pembersihan.

Menurutnya, keadaan jangkitan Covid-19 di Malaysia masih terkawal.

"Tidak perlu tindakan untuk menutup pejabat. Langkah yang perlu diambil adalah untuk bersihkan ruang pejabat itu (sahaja)," katanya pada sidang media situasi semasa jangkitan Covid-19 di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada organisasi yang dikesan wabak berkenaan perlu menutup pejabat atau sebaliknya.

Semalam, Wisma Felcra Berhad di Setapak Jaya ditutup serta-merta sehingga 6 Mac ini selepas seorang daripada ahli lembaga pengarahnya disahkan positif Covid-19.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : FRONT PAGE

NEW STRAITS TIMES ESTABLISHED 1845 RMI.50

PP413/09/2012 (030687) | MARCH 5, 2020 | THURSDAY

'SECOND WAVE'

11 days went by without any new Covid-19 cases. From Feb 27 onwards, however, the situation changed dramatically, with Patient 26 at the centre of most of the infections.

» REPORTS ON PAGES 2 & 4



AFP PIC

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEWS/ STORY OF THE DAY

THURSDAY, MARCH 5, 2020 . NewStraitsTimes

NEWS / *Story of the day*

Taxi driver Amir Ahmat, 57, cleaning his car amid the Covid-19 outbreak in Kuala Lumpur yesterday.
 BERNAMA PIC

UDA BOARD MEMBER

14 NEW CASES LINKED TO PATIENT 26

Health Ministry declines to describe patient as 'super spreader'

HANA NAZ HARUN
 AND ESTHER LANDAU
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

THE Health Ministry has confirmed a new Covid-19 cluster, involving 14 new Covid-19 cases, raising the tally to 50.

All 14 cases were first- and second-generation cases linked to Patient 26, an UDA Holdings Bhd board member, who tested positive on March 1.

Patient 26 had a history of travel to Shanghai, China, in January, but did not show symptoms until six weeks later.

"After 11 days without newly-reported cases, a second wave began on Feb 27. Up to March 4, the second wave has recorded 28 positive cases (which are cases 23 to 50).

"The new cluster involves Case 26 (Patient 26). Based on investigations and contact tracing car-

ried out, 215 close contacts of Case 26 have been detected.

"This brings the total number of positive cases in this cluster to 21 cases (cases 30 to 50)," said the ministry yesterday.

It added that from the total, 16 cases were positive, 19 negative, while 180 were awaiting test results. The ministry said five cases were close contacts of several of the 16 close contacts traced to Patient 26.

"From the information gathered, Patient 26 had been involved in several activities."

From the 16, one was an officer of Patient 26, while the other 15 cases have attended one or more activities or events with Patient 26. (See graphics on Page 4).

"At the same time, the public is asked not to spread information that can cause panic.

"Investigations into this cluster are ongoing. Therefore, the ministry hopes that everyone would remain calm and continue cooperating by giving accurate information when contacted or identified as a close contact."

At a press conference earlier, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah described the increase in the number of cases as extraordinary.

He said the ministry was able to

trace those who were in close contact with Patient 26 and they were placed in isolation wards in hospitals.

"I would say that this infection is probably extraordinary compared with other patients.

"(However, I would not describe this as a super spreader," he said, adding that the ministry was continuing to trace more of those who were in close contact with the patients.

Dr Noor Hisham said it would not be necessary to cancel major events in the country following the increase in cases.

On the recent statement issued by Felcra Bhd, which claimed that one of its board members had been tested positive, Dr Noor Hisham said the ministry would keep the identity of patients confidential.

"We do not reveal the identity of the patients. All I can say is that the second-generation patients, involving the five positive patients, are Malaysians.

"The other 16 patients either had close contact and activities with those infected.

"For example, those (Malaysians) who had returned from China and Singapore after attending meetings (in the said countries)."

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/ STORY OF THE DAY

4 NEWS / Story of the day

TWEETS

SURGEON REFUTES CLAIMS ON HAND SANITISER

Dr Nur Amalina urges people to wash hands regularly, use alcohol-based sanitiser

TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
+ news@nst.com.my

MALAYSIAN surgeon Dr Nur Amalina Che Bakri, who works in the United Kingdom, has refuted a claim that hand sanitisers will not kill viruses effectively.

She urged people to constantly wash their hands and use alcohol-based sanitisers during the Covid-19 outbreak.

In a series of tweets, Dr Amalina, responding to a tweet that went viral suggesting that hand sanitisers work only against bacteria and not viruses like the Covid-19, said practising good hygiene included keeping your hands clean with hand sanitisers that had at least a 60 per cent alcohol-based solution.

"This info about Covid-19 has

been circulating on social media. This is wrong advice. Alcohol-based sanitisers that contain 60 to 95 per cent alcohol are effective to clean your hands.

"Yes, washing your hands with soap and water for 20 seconds is better, especially if your hands are visibly dirty. But using hand sanitiser is better than not washing your hands at all.

"Please remember that hand sanitiser should not be a replacement to washing your hands, but use it only if you can't wash your hands. Whatever it is, remember to wash your hands regularly, guys."

Dr Amalina said alcohol-based hand sanitisers could "kill" the Covid-19 virus by developing a form of "coating" around the virus.

Dr Amalina included a screenshot by a user, @Jasminjoestar, who claimed to be a scientist, stating that hand sanitisers would not effectively kill viruses as it is antibacterial.

"A bacteria and a virus are not the same. Wash your hands. Sanitisers will do nothing for the coronavirus. Sincerely, a scientist that is tired of this," said the tweet.

The user has since deleted this tweet, stating the main reason for the tweet was to promote good hygiene through washing hands.



A security guard, wearing a face mask amid concerns about the spread of the Covid-19 coronavirus, standing next to a table with a hand sanitiser at a Skytrain station in Bangkok yesterday. AFP PIC



Security guards wearing masks at Wisma Felcra, Kuala Lumpur, yesterday. The Health director-general says the ministry does not reveal the identity of Covid-19 patients, despite Felcra claiming that a board member tested positive for the virus. PIC BY MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

CASES CONNECTED TO CASE 26 (UP TO MARCH 4, 2020)



Total number of close contacts: **215**
Tested negative: **19**

Awaiting results: **180**

Tested positive: **16**

There are **16** from 2nd generation cases

Source: CPKC

	1ST GENERATION	2ND GENERATION
1 Meetings/events Feb 21, 2020	Case 31* Case 32* Case 36 Case 39 (Friend) Case 38* Case 42 (Friend) Case 49* Case 40*	
Close contacts: 8 Tested positive: 6 Tested negative: 2		
2 Meetings/events Feb 21, 2020	Case 33* Case 43 (Wife) Case 37* Case 46 Case 47* Case 44 (Wife)	
Close contacts: 10 Tested positive: 4 Tested negative: 2 Awaiting results: 4		
3 Meetings/events Feb 24, 2020	Case 47* Case 30 (Staff member) Case 35* Case 49* Case 50 Case 31* Case 32* Case 33* Case 37* Case 38 Case 40*	
Close contacts: 15 Tested positive: 2 Tested negative: 4 Awaiting results: 1		
4 Meetings/events Feb 27, 2020	Case 35*	
Close contacts: 21 Tested positive: 1 Tested negative: 11 Awaiting results: 9		
5 Location Feb 27, 2020	Case 34	
Close contacts: 7 Tested positive: 1 Awaiting results: 6		
6 Office Feb 27, 2020	Case 45	
Close contacts: 161 Tested positive: 1 Awaiting results: 160		

* Attended more than one event/meeting

INFOGRAPHIC NST

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : NATION

New cases linked to Patient 26

14 came into close contact with UDA Holdings Bhd board member



By JOSEPH KAOS Jr
 joekaosjr@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia has recorded 14 new Covid-19 cases – all linked to the country's 26th patient, a UDA Holdings Bhd board member who had been to Shanghai.

In total, there are 21 cases linked to the patient, who, despite the numbers, is still not considered by the Health Ministry as a "super spreader".

The latest brought the total number of patients diagnosed with the disease in the country to 50.

All of the 14 confirmed cases were found to have been in close contact with Patient 26.

This is in addition to the seven positive cases announced on Monday, which are all linked to the same patient.

All new patients are Malaysian. Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the ministry has traced 215 individuals who have been in close contact with Patient 26.

"From that total, 16 individuals have been found to be Covid-19-positive, 19 have tested negative while 180 are still awaiting test results," he told a press conference here.

Dr Noor Hisham said another five new positive cases have no relation to Case 26, but have gotten the coronavirus from friends, family members and colleagues who are close contacts of Patient 26.

He said the patients who were infected by Case 26 were in several meetings attended by the patient from Feb 21 to 27.

"Investigation on this cluster brought by Case 26 is still ongoing. Therefore, the ministry hopes everyone can remain calm and continue to cooperate with us by providing the necessary information if they are contacted by us or identified as a close contact," said Dr Noor Hisham.

Asked if Patient 26 can be considered a "super spreader", Dr Noor Hisham said no.


"I won't call him a super spreader. There is one case in South Korea where one patient infected more than 1,000 others.

"Case 26 is definitely more extraordinary than others but the good thing is, we are able to isolate and trace all his close contacts. Credit must go to the ministry's ground staff," he said.

On claims that several companies have ordered their offices to be shut

CLOSE CONTACT TRACING OF COVID-19

Patient 26 in Malaysia as of March 4



Safety measure: Felra Bhd said it had instructed workers based at its headquarters to work from home until tomorrow. — Bernama

from home until tomorrow. It added that cleaning and sanitation processes would be carried out.

"At the same time, the company has identified employees who have come in close contact with the affected member, and they are currently undergoing screening tests at the hospital," said Felra, adding that all activities and operations at its headquarters had been stopped immediately from yesterday until tomorrow.

The Felra board member's case was among those announced by the ministry on Tuesday.

Meanwhile, MCA president Datuk Seri Dr Wee Ka Siong expressed his appreciation to the health officials who are in the frontline of the Covid-19 containment.

"For the rest of us, always look after your cleanliness and wash your hands frequently.

"We will fight the spread of Covid-19 together," he wrote on his Facebook page.

close contacts of Covid-19 patients," he explained.

Case 26 is a 52-year-old with a travel history to Shanghai. After his trip to the Chinese city in January, he began developing symptoms such as cough and sore throat on Feb 27.

After seeking treatment at a private hospital, he tested positive for Covid-19 on Feb 29 and was immediately admitted to an isolation ward in Sungai Buloh Hospital.

In a statement yesterday, Felra Bhd said it had instructed workers based at its headquarters to work

Watch the video thestartv.com

